

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 NOVEMBER 2016

Kenapa pelik sungguh Dr. Mahathir?

ANALISIS

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
 pengarang@utusan.com.my

SEPATUTNYA tidak terjadi situasi Tun Dr. Mahathir Mohamad pakai lencana 'bebaskan Anwar' atau Free Anwar di Shah Alam, Sabtu lalu.

Gosok mata dua kali, tak percaya. Tapi itulah dia. Padahal bagi sesiapa yang mengenali beliau, itu bukanlah prinsip dan kewibawaan sejati Dr. Mahathir. Tetapi mengapa?

Meneliti dan membaca autobiografi Dr. Mahathir, *A Doctor in the House* yang diterbitkan pada 2011, kita pasti terkejut. Jika tindak-tanduk memakai lencana Anwar itu dicongakkan, pasti semua 'tergamam' mengapalah Dr. Mahathir jadi begini sekarang.

Dalam autobiografi itu, Dr. Mahathir mendakwa Anwar telah dibekalkan dengan empat wanita untuk mengadakan hubungan s*** (yang tidak molek dinukilkan dalam coretan ini) sebelum dia dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1998.

Anwar, kata bekas Perdana Menteri itu lagi dalam autobiografinya, sepatutnya sudah menjadi Perdana Menteri hari ini.

Namun, katanya, jika Anwar bukan Perdana Menteri 'hari ini', maka ia adalah kerana perbuatannya sendiri.

"Beliau tidak memberikan saya sebarang pilihan selain menyingkirkannya."

"Saya melakukan apa yang saya rasa terbaik untuk negara. Saya mungkin telah melakukan banyak kesilapan, tetapi menyingkirkan Anwar bukanlah satu daripadanya," kata Dr. Mahathir.

Bahkan, semasa Anwar menyampaikan ceramah mengenai tamadun dan nilai-nilai Islam di kampus Universiti Al Azhar Indonesia pada Mei 2014, Dr. Mahathir melahirkan rasa hairannya.

Bagaimana Anwar sanggup berbuat demikian sedangkan hakikatnya Ketua Umum Parti

UM - 15/11/2016
 CELCOM 4G 4:08 PM 89%



Photo
 mynameislegend, iamsyazwanaiman and 2 others
 lokmanadam Pelik tapi benar, orang yang pecat dan penjarakan Anwar kini pakai lencana Bebaskan Anwar. Memang muka tak tahu malu. Damn desperate!

DR. MAHATHIR MOHAMAD memakai lencana Bebaskan Anwar. - IHSAN MEDIA SOSIAL

Saya mungkin telah melakukan banyak kesilapan, tetapi menyingkirkan Anwar bukanlah satu daripadanya."

MAHATHIR MOHAMAD Mantan Perdana Menteri

Keadilan Rakyat (PKR) itu berhadapan dengan masalah moral.

"Kalau nak cakap pasal Islam mesti praktis sekurang-kurangnya tak buat yang dilarang oleh agama. Saya hairan kenapa diterima orang macam ini (Anwar) cakap pasal tajuk yang dia tak ada hak sama sekali," kata Dr. Mahathir.

Itu diluahkan dalam sidang akhbar pada 14 Mei tahun berkenaan, selepas menerima anugerah doktor kehormatan dari pada Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Tetapi Sabtu lalu semasa menghadiri Konvensyen Pakatan Harapan diterajui DAP, Dr. Mahathir berperangai sungguh pelik.

Mengapa ya?